

*Ani Arope utama
generasi muda
berpendidikan*

“Ketika memulakan kerjaya, ada ketua yang berasa terancam jika kita lebih berpendidikan daripada mereka. Saya berulang kali katakan, saya diambil untuk bekerja bukannya untuk mengejar kedudukan. Jadi, saya berjanji jika menjawat jawatan tinggi, saya tidak akan menafikan peluang orang lain yang layak tidak kira bangsa. Saya percaya, setiap pemimpin di atas hanya hebat jika pekerja di bawah yang menyokongnya juga hebat.”

Inilah antara nasihat yang diberikan Allahyarham Tan Sri Dr Ani Arope (**gambar**) kepada rakan Facebooknya beberapa bulan lalu kepada seorang pelajar yang dibantuinya melanjutkan pengajian tinggi apabila beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Ani atas jasa dan budinya memberi peluang kepada ramai anak muda dengan membiayai pendidikan mereka.


Pagi Sabtu lalu, negara kehilangan satu lagi permata. Bekas Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu menghembuskan nafas terakhir pada usia 82 tahun selepas menderita barah prostat sejak tahun 2009.

Berlatar belakang pendidikan dalam bidang pertanian dengan meraih Diploma Pertanian dari Kolej Serdang (kini Universiti Putra Malaysia) pada 1955; Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (1960) dari Universiti Canterbury, New Zealand; Sarjana Sains (1966) dari Universiti Vermont, Amerika Syarikat (AS), dan Ijazah Kedoktoran Sains (1974) dari Universiti Ghent, Belgium membolehkan Allahyarham diberi kepercayaan menjawat jawatan Timbalan Pengarah pertama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dari 1969-1972.

Allahyarham juga diberi kepercayaan mengetuai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), perbankan, institusi pengajian tinggi termasuk sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Bhd, Pengarah Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Pengerusi Majlis Institut Teknologi MARA (ITM), Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia.

Walaupun berpendidikan dan berkhidmat dalam bidang berkaitan pertanian, ketokohan kepemimpinannya, membolehkan beliau diberi kepercayaan menerajui syarikat utiliti terbesar Asia Tenggara, TNB selama enam tahun mulai 1990.

Tiga tahun selepas itu, Yayasan Tenaga Nasional (YTN) ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk menerima dan mengurus-



kan dana bagi tujuan pendidikan dan kebajikan dan Allahyarham dilantik sebagai Pengerusi YTN pertama. Ramai anak Malaysia yang diberi peluang melanjutkan pengajian menerusi pembiayaan yayasan ini.

Tegas dengan pendiriannya sebagai pemimpin korporat, Ani sanggup meletak jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif TNB pada 1996 kerana tidak bersetuju dengan intipati perjanjian dengan Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) bukan kerana tekanan akibat krisis yang melanda TNB berikutan gangguan elektrik di seluruh negara antara enam hingga 13 jam pada 3 Ogos 1996.

Kelebihannya bertutur dalam enam bahasa dan dialek iaitu Melayu, Inggeris, Perancis, Hokkien, Jepun dan Tamil yang didapati daripada pergaulan pada zaman kanak-kanaknya terdiri daripada Arab, China, Burma (Myanmar), Yahudi, India dan Siam menjadikannya sentiasa dikelilingi rakan taulan daripada pelbagai bangsa.

Sikap penyayang dan penuh dengan jenaka, serta sikap kebapaannya menyebabkan Allahyarham memiliki lebih 50 anak angkat berlainan latar belakang, keturunan dan kaum termasuk di luar negara.

Cari duit poket sendiri

Mempunyai cara tersendiri mendidik anaknya, Allahyarham tidak memewahkan anaknya, malah mereka terpaksa mencari duit poket sendiri dengan menjual kuih hanya untuk mendapatkan wang bagi membeli barang yang digemari, sedangkan ketika itu beliau sudah menjawat jawatan tinggi dan bergelar Datuk.

Tokoh yang dilahirkan di Kampung Sungai Bakap, Seberang Prai, Pulau Pinang ini meninggalkan isteri, Puan Sri Saenah Ahmad dan tiga anak; Sakinah, Dr Salina dan Ismail, selain anak angkat.

Pemergian Allahyarham pasti ditangisi ahli keluarga dan sesiapa yang mengenalinya dengan rapat. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya.



ANWAR
RIDHWAN



MONA
AHMAD

mona@bh.com.my